

**MINIT MESYUARAT AGUNG KALI KE 11
PERSATUAN PENOLONG PERANCANG BANDAR DAN DESA MALAYSIA (PPPM)**

TARIKH : 9 MEI 2012 (RABU)
 MASA : 2.00 PTG. -5.30 PTG.
 TEMPAT : WISMA TUN SAMBANTHAN, KUALA LUMPUR
 PENERUSI : ENCIK MOHD. NASIR BIN KAMIN
 JUMLAH KEHADIRAN : 130 ORANG
 JUMLAH AHLI SEMASA : 411 ORANG

BIL.	NO. AHLI	NAMA AHLI	ALAMAT TEMPAT BERTUGAS
1	P001	Mohd. Nasir bin Kamin	Pejabat Projek Zon Selatan
2	P035	Abdul Rahman bin Omar	Pejabat Projek Zon Selatan
3	P026	Azman bin Ramli	Pejabat Projek Zon Selatan
4	P117	Fadzil bin Abd. Rahim	Pejabat Projek Zon Selatan
5	P113	Jamilah bt. Abdul Karim	Pejabat Projek Zon Selatan
6	P380	Mohd. Izzuan bin Ramli	Pejabat Projek Zon Selatan
7	P046	Mohd. Yunus bin Hassan	Pejabat Projek Zon Selatan
8	P110	Muhalith @ Muhalis bin Sanip	Pejabat Projek Zon Selatan
9	P277	Norhadiyana bt. Abd. Latif	Pejabat Projek Zon Selatan
10	P061	Rosidah bt. Ali	Pejabat Projek Zon Selatan
11	P065	Shahrizaila bin Mahmud	Pejabat Projek Zon Selatan
12	P159	Siti Zamzurina bt. Samsudin	Pejabat Projek Zon Selatan
13	P128	Zamri bin Mohamad	Pejabat Projek Zon Selatan
14	P022	Azhar bin Mohamed	Pejabat Projek Zon Utara
15	P242	Che Puan bt. Jusoh	Pejabat Projek Zon Utara
16	P118	Hamasrull bin Hassan	Pejabat Projek Zon Utara
17	P206	Mohd. Nizam bin Taib	Pejabat Projek Zon Utara
18	P356	Nor Zuhaizan bt. Zulkifli	Pejabat Projek Zon Utara
19	P123	Norzaina bt. Salim	Pejabat Projek Zon Utara
20	P162	Siti Sarah bt. Bakar@Saad	Pejabat Projek Zon Utara
21	P301	Anuar bin Hamad	Pejabat Projek Zon Tengah
22	P337	Airma Ayusneda bt. Ibrahim	Pejabat Projek Zon Tengah
23	P186	Daing Masita bt. Daing Ibrahim	Pejabat Projek Zon Tengah
24	P007	Khadijah bt. Abdul Hamid	Pejabat Projek Zon Tengah
25	P311	Mohd. Ariffin bin Ahmad	Pejabat Projek Zon Tengah
26	P343	Mohd. Norazham bin Hamim	Pejabat Projek Zon Tengah
27	P056	Norazlina bt. Mukhair	Pejabat Projek Zon Tengah
28	P069	Norzahriyati Aini bt. Abdul Majid	Pejabat Projek Zon Tengah
29	P124	Rohani bt. Awang	Pejabat Projek Zon Tengah
30	P299	Rohaya bt. Che Morat	Pejabat Projek Zon Tengah
31	P227	Shahrin Amir bin Sharifuddin	Pejabat Projek Zon Tengah

BIL.	NO.	NAMA AHLI	ALAMAT TEMPAT BERTUGAS
32	P303	Sauhaidah bt. Yaiap	Pejabat Projek Zon Tengah
33	P399	Khadijah bt. Hassan	Pejabat Projek Zon Timur
34	P330	Mohd. Muklif bin Md. Yusof	Pejabat Projek Zon Timur
35	P121	Noriah bt. Ramli	Pejabat Projek Zon Timur
36	P205	Azizul Nizam bin Hamdan	Bhg. Maklumat Gunatanah Negara
37	P024	Azlan bin Mohd. Nasir	Bhg. Maklumat Gunatanah Negara
38	339	Farahanie bt. Jaafar	Bhg. Maklumat Gunatanah Negara
39	P010	Habibah bt. Abdul Aziz	Bhg. Maklumat Gunatanah Negara
40	P181	Hamdan bin Sapri	Bhg. Maklumat Gunatanah Negara
41	P224	Hasyim bin Ahmad	Bhg. Maklumat Gunatanah Negara
42	P275	Zaleha bt. Abdul Aziz	Bhg. Maklumat Gunatanah Negara
43	P116	Abdul Rasyid bin Zainal	Bhg. Perancangan Wilayah
44	P296	Mariyanti bt. Md. Desa	Bhg. Perancangan Wilayah
45	P357	Mohd. Khalil bin Bushra	Bhg. Perancangan Wilayah
46	P047	Mohd. Yusof bin Ruslan	Bhg. Perancangan Wilayah
47	P071	Norhana bt. Mohd. Nor	Bhg. Perancangan Wilayah
48	P114	Nor Hasliza bt. Rohan	Bhg. Perancangan Wilayah
49	P064	Sarah bt. Khalid	Bhg. Perancangan Wilayah
50	P145	Suhaila bt. Mohd. Fadzir	Bhg. Perancangan Wilayah
51	P178	Ezwan bin Adlan	Bhg. Penyelidikan Dan Pembangunan
52	P180	Noraini bt. Kasim	Bhg. Penyelidikan Dan Pembangunan
53	T285	Nurhayati bt. Yeop Idris	Bhg. Penyelidikan Dan Pembangunan
54	P351	Nurul Huda bt. Mansor	Bhg. Penyelidikan Dan Pembangunan
55	P278	Rohaya bt. Daud	Bhg. Penyelidikan Dan Pembangunan
56	P062	Roziyah bt. Seleman@Awang	Bhg. Penyelidikan Dan Pembangunan
57	P015	Zahrah bt. Md. Salleh	Bhg. Penyelidikan Dan Pembangunan
58	P019	Abdul Razak bin Abdul Raub	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
59	P151	Abu Salehek bin Musa	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
60	P006	Asiah bt. Sulaiman	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
61	P165	Asmadi Andi bin Masarapi@Adimas	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan

BIL.	NO.	NAMA AHLI	ALAMAT TEMPAT BERTUGAS
62	T203	Hanif bin Nordin	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
63	P012	Hasni bt. Ramli	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
64	P183	Lim Eng Bee	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
65	P255	Luk Luk Al Bariyah bt. Baharum	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
66	P298	Madslan bin Altur	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
67	P276	Mariyati Ashaari@Sa'ari	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
68	P043	Mohd. Aminuddin bin Ali	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
69	P045	Mohd. Shafie bin Mostapa	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
70	P154	Nadzrah bt. Md. Shah	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
71	P050	Naeimah bt. Hassan	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
72	P281	Norafidah bt. Hj Salleh	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
73	P190	Noridah bt. Mohd. Noor	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
74	P236	Rasedatul Helmiyah bt. Ahmad	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
75	P067	Zakiah bt. Ali	Bhg. Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
76	P217	Hajar bt. Ahmad	Bhg. Rancangan Fizikal Negara
77	P352	Khairul Hazizi bin Forizad	Bhg. Rancangan Fizikal Negara
78	P003	Mohd. Kamal bin Abu Bakar	Bhg. Rancangan Fizikal Negara
79	P051	Noor Azuwa bt. Kushairi	Bhg. Rancangan Fizikal Negara
80	P120	Nor Baizura bt. Che Man	Bhg. Rancangan Fizikal Negara
81	P392	Noreza bt. Dahari	Bhg. Rancangan Fizikal Negara
82	P189	Raja Shamsul Nizam bin Raja Abdullah	Bhg. Rancangan Fizikal Negara
83	P166	Rozi Effendy bin Abdul Rahman	Bhg. Rancangan Fizikal Negara
84	P185	Sri Juwita bt. Mahusin	Bhg. Rancangan Fizikal Negara
85	P188	Syed Kamal Yusop bin Syed Mahadi	Bhg. Rancangan Fizikal Negara
86	P246	Azman bin Che Mat	Unit Penyelarasan Projek
87	P152	Che Rohani bt. Mohd. Salleh	Unit Penyelarasan Projek
88	P272	Khairol Nizam bin Hamran	Unit Penyelarasan Projek
89	P122	Norshaadah bt. Sariffudin	Unit Penyelarasan Projek
90	P312	Nor Zaidah bt. Abdul Aziz	Unit Penyelarasan Projek
91	P014	Sapiah bt. Md. Salleh	Unit Penyelarasan Projek
92	P016	Siti Jailah bt. Hj. Dol Lajis	Unit Penyelarasan Projek
93	P290	Zuraini bt. Shaari@Johari	Unit Penyelarasan Projek

BIL.	NO.	NAMA AHLI	ALAMAT TEMPAT BERTUGAS
94	N417	Hartini bt. Hamid	JPBD Negeri Perak
95	N269	Nor Rothidah bt. Basri	JPBD Negeri Perak
96	N353	Sahafa Marzidah bt Abdullah Yeop	JPBD Negeri Perak
97	P176	Safaei bin Sarjin @ Sarjoo	JPBD Negeri Sembilan
98	P191	Zazami bt. Zulkifli	JPBD Negeri Sembilan
99	N318	Ain Nur Nazira bt Junaidi	JPBD Melaka
100	N316	Ishak bin Umar	JPBD Melaka
101	N233	Nadiah Anim bt. Jantan	JPBD Melaka
102	T331	Norisah bt. Ahmad	JPBD Melaka
103	N193	Syafini bt. Mohd Yasin	JPBD Melaka
104	N130	Mohd. Azizi bin Ali	JPBD Kelantan
105	N131	Sanusi b. Hamzah	JPBD Kelantan
106	T413	Faridah bt. Abdullah	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
107	T378	Hasarudin bin Idris	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
108	T377	Mohd. Nadzim bin Mat Darus	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
109	T412	Sarina bt. Saman	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
110	P195	Zamri bin Said	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
111	T414	Zamzuri bin Yaacob	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
112	T321	Nor Hamini bt. Sharif	Majlis Bandaraya Shah Alam
113	T088	Zuraidi bt Selamat	Majlis Bandaraya Johor Bahru
114	T386	Mohd. Anariza bin Mohd. Noor	Majlis Bandaraya Johor Bahru
115	T415	Intan Hasnida bt. Mawani	Majlis Bandaraya Melaka Bandaraya Bersejarah
116	T342	Norhaszurah bt. Mohamad Daud	Majlis Bandaraya Melaka Bandaraya Bersejarah
117	T416	Sahrizan bin Saiman	Majlis Bandaraya Melaka Bandaraya Bersejarah
118	T204	Abdul Rashid bin Abu Bakar	Majlis Perbandaran Subang Jaya
119	T387	Irwan bin Zainal Abidin	Majlis Perbandaran Sepang
120	T141	Norleeza bt. Zainuddin	Majlis Perbandaran Nilai
121	T400	Mohd. Ramzul Ihsan bin Abdul Kader	Majlis Perbandaran Seremban
122	T104	Muzammir bin Rushdi	Majlis Perbandaran Seremban
123	T328	Rusminah bt. Muhiddin	Majlis Perbandaran Seremban
124	T411	Abdul Karim bin Karate	Majlis Perbandaran Alor Gajah
125	T139	Mohd. Nor bin Amran	Majlis Perbandaran Kuantan
126	T210	Rozina bt. Hazali	Majlis Perbandaran Kuantan
127	T313	Noorshida bt. Muhammad	Majlis Perbandaran Temerloh
128	T344	Mohd. Nazri bin Samiun	Perbadanan Putrajaya
129	P295	Noorayuni bt. Rosmi	OSC Majlis Bandaraya Shah Alam
130	P287	Khairul Nizam bin Omar	OSC Majlis Bandaraya Melaka

1.0 UCAPAN Pengerusi

- 1.1 En. Mohd. Nasir b. Kamin selaku Presiden Persatuan Penolong Perancang Bandar dan Desa (PPPM) telah mempengerusikan Mesyuarat Agung PPPM kali ke 11 bagi tahun 2011. Beliau mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada semua Ahli PPPM dan berterima kasih atas sokongan dan kehadiran ahli yang menggalakkan.
- 1.2 Beliau juga terharu dan mengucapkan terima kasih di atas sambutan yang sangat menggalakkan terhadap program expert talk kesihatan diri dan reset minda oleh Saudara Kevin Zahri dan Dr. Muhaya Mohamad yang diadakan pada sesi pagi ini.
- 1.3 Seterusnya Presiden melahirkan rasa bersyukur kerana usia persatuan ini yang semakin matang dan telah menjangkau dua belas tahun dengan keahliannya telah bertambah kepada 411 ahli. Beliau juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat datang kepada ahli baru yang mendaftar pada hari ini.
- 1.4 Selaras dengan kematangan usia Persatuan ini, undang-undang persatuan juga telah disemak semula oleh ahli Jawatankuasa PPPM bagi memasukkan beberapa pindaan yang bertujuan untuk menambah keahlian dan perancangan aktiviti yang lebih dinamik pada masa hadapan.

2.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Agung Persatuan Penolong Perancang Bandar dan Desa Malaysia (PPPM) Kali Ke 10 yang telah diadakan pada 23 Mei 2011 di Corpthorne Orchid Hotel, Pulau Pinang telah disahkan dengan beberapa pindaan berikut;
 - i. Kesalahan teknikal di mukasurat 8, perkara 4.0 para 1, baris ke tujuh jumlah pendapatan 2010 adalah berjumlah **RM118,939.67 dan bukannya** RM1,182,939.67 seperti dinyatakan;
 - ii. Meminda ejaan nama ahli di bil. 104, mukasurat 4 kepada **Safaei bin Sarjin @Sarjono**; dan
 - iii. Meminda ejaan nama ahli di bil. 24, mukasurat 1 kepada **Noraini bt Kasim**;

Tindakan : Setiausaha

- 2.2 Puan Nor Rothidah bt. Basri (N269) dari JPBD Perak telah mencadangkan supaya minit mesyuarat disahkan dengan pindaan dan disokong oleh Cik Farahani bt. Jaafar (P339) dari Bahagian Maklumat Gunatanah Negara, JPBD Semenanjung Malaysia.

Tindakan : makluman

3.0 MENERIMA DAN MELULUSKAN LAPORAN BIRO 2011

Laporan Biro telah dibentangkan oleh Presiden. Semua ahli berpuashati dengan aktiviti dan pelaporan yang dibentangkan dan tiada perkara yang dibangkitkan.

Puan Noraini bt. Kasim (P180) dari Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JPBD Semenanjung Malaysia telah mencadangkan laporan biro 2011 diluluskan dan disokong oleh Encik Mohd. Aminuddin bin Ali (P043) dari Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan, JPBD Semenanjung Malaysia.

Tindakan : makluman

4.0 PEMBENTANGAN DAN MELULUSKAN LAPORAN KEWANGAN

Pembentangan Laporan Kewangan PPPM bagi tempoh 01.01.2011 hingga 31.12.2011 telah dibentangkan oleh Presiden Persatuan iaitu Encik Mohd. Nasir bin Kamin. Pada 1.1.2011 jumlah simpanan di bank dan wang tunai di tangan adalah berjumlah RM88,433.97.

Jumlah pendapatan yang dikumpulkan melalui aktiviti Biro Ekonomi, Biro Lawatan dan Sosial, pendaftaran ahli baru, yuran ahli dan dividen simpanan adalah berjumlah RM34,138.94.

Jumlah perbelanjaan sehingga 31 Disember 2011 yang meliputi perbelanjaan bagi Mesyuarat Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Malaysia, Mesyuarat Agung PPPM, Biro Pengurusan, Biro Publisiti, Biro Lawatan dan Sosial dan Biro kebajikan adalah sebanyak RM38,119.40.

Jumlah besar pendapatan setelah ditolak perbelanjaan adalah RM84,453.51. Pelaburan CIMB pada 31 Disember 2011 adalah berjumlah RM19,715.51. Mengambil kira semua butiran pendapatan dan perbelanjaan yang dinyatakan, **jumlah keseluruhan kewangan Persatuan ini pada 31 Disember 2012 adalah sebanyak RM104,169.02**.

Penyata Kewangan termasuk rekod-rekod kewangan dan buku kira-kira telah diperiksa dan disahkan oleh Pemeriksa Kira-kira iaitu Puan Hajah Zakiah bt. Ali dan Puan Naeimah bt. Hassan. Segala butiran terperinci mengenai pendapatan dan perbelanjaan adalah dinyatakan dalam Lampiran 1 hingga Lampiran 11.

Presiden juga memaklumkan bahawa jumlah keseluruhan kewangan Persatuan bagi tahun 2011 telah menurun sebanyak RM3,930.14 berbanding 2010. Perbandingan ini telah ditunjukkan di bawah tajuk Perbandingan Penyata Kewangan PPPM tahun 2010 dan 2011.

Tindakan : Makluman

Encik Shahrizaila bin Mahmud (P065) membuat teguran terdapat perbezaan baki wang tunai di tangan dalam Laporan Kewangan 2010 (RM1303.72) manakala jumlah yang dinyatakan dalam Laporan Kewangan 2011, baki wang tunai di tangan adalah sebanyak RM1,183.72.

Puan Norzahriyati Aini bt Abdul Majid, Penolong Bendahari memaklumkan terdapat kesilapan dalam penyata 2010, manakala jumlah yang tepat adalah RM1,183.72 seperti dilaporkan dalam laporan kewangan 2011.

Tindakan : Makluman

Encik Shahrizaila bin Mahmud (P065) dari Pejabat Projek Zon Selatan telah mencadangkan supaya Penyata Kewangan Persatuan yang berakhir pada 31 Disember 2011 diluluskan dan disokong oleh Encik Asmadi Andi Masarapi@Adimas (P165) dari Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan, JPBD Semenanjung Malaysia.

Tindakan : makluman

5.0 PERKARA BERBANGKIT

5.1 Presiden telah membentangkan maklum balas minit Mesyuarat Agung kali ke 10 yang diadakan pada 23 Mei 2011 untuk makluman ahli.

Tindakan : makluman

5.2 Perkara 2.2 minit mesyuarat : cadangan supaya membuat rayuan permohonan pengiktirafan PPPM sebagai badan ikhtisas di bawah *Perintah Am Bab C* kepada JPA.

Mesyuarat dimaklumkan Persatuan tidak berhasrat mengemukakan rayuan permohonan kerana pemberian cuti tanpa rekod yang diperuntukan dalam pengiktirafan tersebut bukanlah satu isu kepada ahli persatuan. Ketidakhadiran ahli ke Mesyuarat Agung adalah disebabkan kekangan tugas ahli dan sebab-sebab teknikal yang lain.

Tindakan : makluman

5.3 Perkara 2.2 minit mesyuarat : Cadangan supaya mendaftarkan persatuan dalam aplikasi HRMIS JPA

Persatuan telah membuat permohonan kepada HRMIS, JPA pada Ogos 2011 bagaimanapun tidak diluluskan kerana hanya Persatuan yang telah mendapat pengiktirafan sebagai badan ikhtisas oleh JPA sahaja layak didaftarkan dalam HRMIS.

Tindakan : makluman

5.4 Perkara 5.2 minit mesyuarat : Cadangan supaya persatuan menaiktaraf jawatan penolong perancang bandar dari J29 kepada J31 dan gred kenaikan pangkat kepada J38 dan J40.

Cadangan ini telah dikemukakan kepada JPA melalui JPBD SM semasa Semakan Semula Syarat Lantikan Jawatan Di bawah Skim

Perancangan Bandar Dan Desa pada 9 Mac 2011 yang telah mencadangkan:-

- i. Gred Lantikan J29 dinaikkan ke J33;
- ii. Gred Kenaikan Pangkat J36 dinaikkan ke J38; dan
- iii. Gred Kenaikan Pangkat J38 dinaikkan ke J40.

Tindakan : makluman

- 5.5 Perkara 5.2 minit mesyuarat : cadangan supaya penolong perancang bandar yang dilantik melalui KPSL dibenarkan mengambil ijazah di IPTA tanpa memperoleh diploma terlebih dahulu.

Mesyuarat telah memutuskan tidak akan mengkaji perkara ini kerana tertakluk di bawah bidangkuasa IPTA yang berkaitan.

Tindakan : makluman

- 5.6 Perkara 5.3 minit mesyuarat : Cadangan 25% daripada perolehan kewangan tahunan digunakan untuk kebajikan ahli contohnya untuk tabung khairat kematian dan caruman insuran.

Mesyuarat bersetuju menerima Pelan Takaful Khairat Kematian Berkelompok oleh Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. dengan anggaran sumbangan ahli sebanyak RM6.10 dan manfaat sebanyak RM1000 setiap ahli. Bagi tahun pertama, dianggarkan sumbangan bagi 372 ahli **aktif yang perlu** dibayar oleh Persatuan adalah berjumlah **RM2,269.20**.

Tindakan : makluman

- 5.7 Perkara 5.3 minit mesyuarat : Cadangan supaya melantik wakil khas dari setiap zon atau bahagian.

Mesyuarat dimaklumkan perkara ini telah dilaksanakan dalam sesi 2010-2012 di mana AJK Biro Pentadbiran Dan Biro Perhubungan Awam telah dilantik dari kalangan ahli di peringkat PBT, Pejabat Zon dan JPBD Negeri.

Tindakan : makluman

- 5.8 Perkara 5.3 minit mesyuarat : Cadangkan supaya elaun kritikal diberikan kepada penolong pegawai perancang yang menjalankan tugas penguatkuasaan undang-undang dalam Akta 172.

Cadangan ini telah diangkatkan kepada MTSU pada Januari 2012 namun masih belum mendapat maklumbalas.

Tindakan : makluman

- 5.9 Perkara 5.4 minit mesyuarat: Cadangan supaya Biro Kebajikan PPPM memanjangkan juga sumbangan kepada anak-anak ahli yang cemerlang dalam bidang kokurikulum seperti mewakili peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa dalam bidang sukan dan lain-lain.

Mesyuarat AJK PPPM telah bersetuju dengan cadangan tersebut dan menetapkan kategori baru sumbangan iaitu;

Ahli cemerlang sukan atau lain-lain aktiviti hingga peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa

- Juara peringkat negeri : RM100
- Tempat pertama/kedua/ ketiga peringkat kebangsaan : RM200
- Tempat pertama/kedua/ketiga peringkat antarabangsa : RM300

Pelaksanaan mulai Januari 2012.

Tindakan : makluman

- 5.10 Perkara 5.4 minit mesyuarat: cadangan supaya ditambah satu kategori lagi sumbangan iaitu anak cemerlang dalam Sijil Tinggi Persekolahan (STPM atau STAM).

Mesyuarat AJK PPPM memutuskan supaya sumbangan diberikan kepada mana-mana ahli yang memperoleh keputusan cemerlang akademik iaitu;

Ahli Cemerlang Akademik : Ahli yang memperolehi keputusan cemerlang dengan pointer 3.67 dan ke atas : RM250. Pelaksanaan mulai Januari 2012.

Tindakan : makluman

- 5.11 Perkara 5.5 minit mesyuarat: cadangan supaya Persatuan memberikan sumbangan khas atau lain-lain insentif pada ahli yang tidak pernah mendapat apa-apa kemudahan dari persatuan.

Mesyuarat bersetuju untuk memanjangkan cenderahati Mesyuarat Agung atau lain-lain bentuk cenderahati yang bersesuaian kepada ahli yang **tidak dapat hadir** mesyuarat agung bagi sesuatu tahun bergantung kepada terma dan syarat yang ditetapkan. Pelaksanaan mulai 2012.

Tindakan : makluman

- 5.12 Perkara 5.5 minit mesyuarat: cadangan supaya setiap ahli diberikan sijil keahlian sebagai penghargaan.

Sijil keahlian PPPM akan dikeluarkan kepada semua ahli mulai Januari 2012.

Tindakan : makluman

- 5.13 Perkara 5.5 minit mesyuarat: cadangan supaya memperbanyakkan program bersama PERSADA atau MIP dalam mempertingkatkan imej penolong perancang bandar.

AJK PPPM telah merancang beberapa aktiviti secara kolaborasi dengan PERSADA dan juga KESPERB namun terpaksa ditangguhkan pada saat akhir atas beberapa kesulitan teknikal yang timbul.

Tindakan : makluman

- 5.14 Perkara 5.5 minit mesyuarat: cadangan lawatan ke luar negara seperti Jepun/ United Kingdom yang mempunyai konsep perancangan yang boleh diketengahkan di samping menimba pengalaman luar negara.

Mesyuarat bersetuju supaya ahli yang mampu dan berminat dibenarkan menyertai pakej lawatan yang dianjurkan oleh PERSADA atau lain-lain kumpulan, bagaimanapun Persatuan **tidak** dapat membiayai yuran penyertaan tersebut.

Tindakan : makluman

6.0 PEMBUBARAN AJK SESI 2010/2012 DAN PELANTIKAN AJK SESI 2012/2014

6.1 Pembubaran AJK Bagi Sesi 2010/2012

Pengerusi dengan rasminya telah mengumumkan pembubaran AJK PPPM bagi sesi 2010/2012. Beliau seterusnya memaklumkan pelantikan AJK bagi sesi 2012/2014 akan dijalankan secara terbuka melalui undian.

Tindakan : makluman

6.2 Keputusan Pemilihan AJK Bagi Sesi 2012/2014

Encik Shahrizaila bin Mahmud (P065) dari Pejabat Projek Zon Selatan telah mencadangkan supaya semua AJK PPPM sesi 2010/2012 dikekalkan bagi sesi akan datang. Cadangan tersebut telah disokong oleh En. Rozi Effendy dari Bahagian Rancangan Fizikal Negara, JPBD Semenanjung Malaysia. Selatan. Cadangan tersebut telah dipersetujui sebulat suara oleh ahli mesyuarat.

Keputusan pemilihan AJK bagi sesi 2012/2014 adalah seperti berikut :-

- | | | | |
|---|---------------|---|--|
| 1 | PRESIDEN | : | EN. MOHD. NASIR B. KAMIN (J36)
<i>(Pejabat Projek Zon Selatan, JPBD SM)</i> |
| 2 | NAIB PRESIDEN | : | EN. FADZIL B. ABDUL RAHIM (J29)
<i>(Pejabat Projek Zon Selatan, JPBD SM)</i> |
| 3 | SETIAUSAHA | : | PN.HJH. SITI JAILAH BT. DOL LAJIS (J36)
<i>(Unit Penyelarasan Projek, JPBD SM)</i> |

- | | | | |
|----|--|---|--|
| 4 | PENOLONG
SETIAUSAHA | : | PUAN NORZAINA BT SALIM
<i>(Pejabat Projek Zon Utara, JPBDMSM)</i> |
| 5 | BENDAHARI | : | PN. SALMIAH BT. HASHIM (J36)
<i>(Pejabat Projek Zon Tengah, JPBDMSM)</i> |
| 6 | PENOLONG
BENDAHARI | : | PN. NORZAHRIYATI AINI BT ABDUL MAJID
(J29)
<i>(Pejabat Projek Zon Tengah, JPBDMSM)</i> |
| 7 | AHLI
JAWATANKUASA
(4 orang) | : | 1. EN. ABDUL RASYID B. ZAINAL (J29)
<i>(Bhg. Perancangan Wilayah, JPBDMSM)</i> |
| 8 | | : | 2. EN. MOHD. YUSOF B. RUSLAN (J29)
<i>(Bahagian Perancangan Wilayah,
JPBDMSM)</i> |
| 9 | | : | 3. EN. AZLAN B. MOHD. NASIR (J29)
<i>(Bhg. Maklumat Guna Tanah Negara,
JPBDMSM)</i> |
| 10 | | : | 4. EN. NORHIYSAM BIN MOHAMAD @
SAMAD (J29)
<i>(Pejabat Projek Zon Tengah, JPBDMSM)</i> |
| 11 | AHLI JAWATAN
KUASA
(Dilantik Oleh
Presiden) | : | MUHAMAD SHAIFUL AZMI BIN ABDUL
RAHMAN (J29)
<i>Majlis Daerah Kuala Pilah</i> |
| 12 | AHLI JAWATAN
KUASA
(Dilantik Oleh
Presiden) | : | PUAN SAIDAH BT AHMED (J36)
<i>JPBD Negeri Selangor</i> |
| 13 | PEMERIKSA
KIRA-KIRA
(2 orang) | : | 1. PN. HJH. ZAKIAH BT. ALI (J36)
<i>(Bhg. Perundangan dan Kawal Selia
Perancangan, JPBDMSM)</i> |
| 14 | | : | 2. PN. NAEIMAH BT. HASSAN (J36)
<i>(Bhg. Perundangan dan Kawal Selia
Perancangan, JPBDMSM)</i> |

Tindakan : Semua AJK

- 6.3 Puan Norzaina bt Salim telah memohon menarik diri sebagai penolong setiausaha atas alasan beliau kini bertugas di Pejabat Projek Zon Utara menghadapi kekangan dari segi kewangan dan sukar mendapat pelepasan untuk menghadiri mesyuarat di Kuala Lumpur.

Mesyuarat bersetuju permohonan beliau dan memutuskan jawatan akan diisi oleh calon yang akan dilantik oleh Presiden dan AJK PPPM.

Tindakan : Setiausaha

7.0 PEMBENTANGAN USUL – USUL

7.1 Presiden telah membentangkan usul untuk meminda undang-undang persatuan seperti berikut;

- a) Bab IV Fasal 1: Penambahbaikan objektif PPPM
- b) Bab V Fasal 1: Peruntukan baru ahli seumur hidup dan ahli pesara
- c) Bab VI Fasal 1: Peruntukan baru hak ahli seumur hidup dan ahli pesara
- d) Bab VI Fasal 2: Ahli yang gagal bayar yuran sebanyak tiga kali tanpa alasan boleh digugurkan dari mendapat kemudahan yang layak
- e) Bab VIII Fasal 1: Memudahkan tatacara pendaftaran keahlian;
- f) Bab IX Fasal 2: Pemilihan penolong setiausaha dan penolong bendahari akan dilantik oleh Presiden dan AJK PPPM
- g) Bab V Fasal 1: Yuran tahunan dinaikkan kepada RM30.00 untuk menampung khairat kematian
- h) Bab V Fasal 1: Penetapan yuran ahli seumur hidup
- i) Bab V Fasal 1: Jumlah wang runcit yang dipegang oleh bendahari dinaikkan dari RM200 kepada RM1000.;
- j) Bab XI :Fasal 1: Pemeriksa Kira-kira boleh dilantik semula selepas dua tahun
- k) Bab XVIII Fasal 1: Penambahbaikan logo dengan lambang empat segitiga bertemu di bahagian bawah dan dikelilingi perkataan Persatuan Penolong Perancang Bandar dan Desa berbentuk bulatan.

Tindakan : makluman

7.2 Ahli Mesyuarat bersetuju sebulat suara dengan usul meminda undang-undang Persatuan. AJK PPPM akan memperincikan cadangan pindaan tersebut dan mengemukakan permohonan pindaan kepada Pendaftar Pertubuhan untuk kelulusan.

Tindakan : Timbalan Presiden

8.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

8.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir dan telah memberikan kepercayaan kepada AJK PPPM untuk menyambung amanah dan memimpin persatuan ini untuk sesi akan datang.

- 8.2 Pengerusi juga merakamkan penghargaan kepada ahli yang telah memberikan kerjasama, komitmen dan mengambil bahagian yang aktif sepanjang mesyuarat agung ini berlangsung.
- 8.3 Akhir kata Pengerusi memohon maaf sekiranya terdapat kekurangan dan kesilapan sepanjang mengendalikan mesyuarat kali ini dan mengalu-alukan sebarang maklum balas ahli untuk menambah baik persatuan. Beliau telah menangguhkan mesyuarat pada pukul 5.00 petang.

Disediakan oleh :



(SITI JAILAH BT. HJ. DOL LAJIS)
Setiausaha
Persatuan Penolong Perancang
Bandar dan Desa Malaysia
(PPPM)

Disemak oleh:



(MOHD. NASIR B. KAMIN)
Presiden
Persatuan Penolong Perancang
Bandar dan Desa Malaysia
PPPM)